

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

ZSE 261/2 - Geologi I

Masa : [2 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab MANA-MANA EMPAT soalan sahaja.
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Huraikan struktur dalaman bumi termasuk komposisi bahagian-bahagian utamanya. (40/100)
- (b) Bincangkan edaran batuan. (60/100)
2. (a) Perihalkan, dengan lakaran-lakaran yang sesuai, struktur atom dalaman bagi siklosilikat, inosilikat dan filosilikat. Berikan suatu contoh mineral umum bagi SETIAP struktur yang diuraikan. (60/100)
- (b) Bincangkan bagaimana perbezaan struktur dalaman menyebabkan perbezaan sifat-sifat fizikal bagi
 - (i) intan dan grafit
 - (ii) mika dan kuarza.(40/100)
3. (a) Huraikan proses-proses fizikal dan kimia yang terlibat dalam diagenesis. (50/100)
- (b) Bincangkan siri tindak balas Bowen. (50/100)

4. (a) Apakah peristiwa-peristiwa geologi yang biasanya dilambangkan oleh suatu ketakselarasan? Huraikan tiga jenis ketakselarasan.

(50/100)

- (b) Bincangkan mekanisma-mekanisma perlipatan.

(50/100)

5. Bincangkan

- (a) metamorfisme sentuh (50/100)

- (b) sesar gelinciran jurus (30/100)

- (c) struktur-struktur sedimen yang boleh digunakan untuk menentukan sama ada suatu jujukan batuan sedimen terbalik atau tidak.

(20/100)